



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

PEH.3/76/66(PH)

UCAPAN Y.A.B. PERDANA MENTERI, DATUK HUSSEIN ONN,
DALAM MAJLIS PEMBUKAAN INSTITUT LATIHAN PENYIARAN
TUN ABDUL RAZAK, DI ANGKASAPURI, PADA HARI RABU
10HB MAC, 1976 PADA JAM 3.30 PETANG

Yang Berhormat Menteri Penerangan,

Datuk Amar Taib Mahmud,

Yang Berhormat Menteri-Menteri,

Tuan-tuan Yang Terutama,

Dhif-dhif Kehormat,

Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian,

Institut Latihan Penyiaran ini sepatutnya dibuka oleh Allahyarham Tun Razak, menurut tradisi yang lazim dilakukan oleh kedua-dua Perdana Menteri kita di masa lepas. Akan tetapi, dengan kudrat Tuhan yang maha kuasa dan dengan peredaran sejarah, kehormatan ini telah diberikan pula kepada saya.

2. Saya ~~sesungguhnya~~ merasa syukur kerana dapat hadir bersama-sama dalam Majlis ini, di samping berpeluang memberikan sepatah dua kata, sebagai panduan, garis bimbingan bertugas, kepada setiap kakitangan RTM, tinggi dan rendah, dalam masa menjalankan kerja mereka.

3. Saya juga bersyukur kerana pembukaan Institut ini dapat dilakukan menjelang Harijadi Allahyarham Tun Razak yang ke 54, pada hari esok. Secara kebetulan pula, Allahyarham telah dimakamkan, genap 54 hari, pada hari esok juga. Oleh yang demikian, jadikanlah pembukaan ini serta Institut yang digunakan ini, sebagai satu kenang-kenangan, sebagai satu lambang untuk kita memperingati dan menilai khidmat dan jasa Allahyarham itu semasa hayatnya kepada kita, kepada negara, khasnya dalam bidang sebarang am.

4. Pada malam ini juga, akan diadakan Konset Perdana, sebagai satu cara yang lazim dihidangkan setiap tahun bagi menghormati Harijadi Allahyarham itu. Malam ini juga patut kita jadikan sebagai satu tanda kita bersama-sama mengenang dan mengabadikan khidmat dan jasanya, di samping memohon keredzaan Tuhan untuk kita meneruskan tugas-tugas yang ditinggalkan olehnya. Di atas sebab-sebab inilah, saya telah memberikan persetujuan untuk merasmikan Institut Penyiaran ini dengan harapan, semoga Tuhan memberkati roh dan jasanya, di samping dapat kita menggunakan kemudahan-kemudahan yang ada dalam Institut ini untuk meningkat dan meninggikan lagi mutu dan taraf kecekapan ahli-ahli penyiaran kita.

Tuan-tuan sekalian,

5. Dalam ucapannya sebentar tadi, Menteri Penerangan telah menerangkan kepada kita, serba sedikit hal-hal yang mengenai Institut ini serta kemudahan yang terdapat didalamnya.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

Pembinaan Bangunan Institut ini serta konsep yang menjadi tenaga pendorongnya, telah dijayakan oleh beberapa orang, dari segenap peringkat dan golongan, yang menaruh minat kepadanya. Oleh itu, saya turut mengucapkan terimakasih kepada setiap golongan yang telah memberikan sumbangan bagi menjayakan Institut ini.

6. Dalam hubungan ini, saya sukalah mengambil kesempatan ini mengucapkan tahniah dan terimakasih kepada Y.B. Datuk Shariff Ahmad, atas minat dan dedikasinya menjalankan tugas dan kewajipan yang telah ditanggungkan kepadanya sejak bulan November, 1970, terutama sekali mengenai kejayaan dalam pelaksanaan projek-projek Jabatan Penyiaran di bawah Rancangan Malaysia Kedua.

7. Seperti kita sedia maklum, Y.B. Datuk Shariff Ahmad, pernah pada suatu ketika dulu bertugas dengan Radio Malaysia dan beliau telah menggunakan pengalamannya itu membawa perubahan sikap di kalangan kakitangan di samping mengatur semula susunan jentera Jabatan Penyiaran sesuai dengan keperluan negara. Saya harap Timbalan Menteri yang baru, Datuk Wan Abdul Kadir, yang bolehlah dikata pakar dalam selok belok penerangan, akan menumpukan masanya kepada Jabatan Penerangan dengan mengadakan struktur yang lebih efektif sesuai dengan keadaan masa dan perubahan zaman ini, supaya sistem dua hala penerangan dan 'feed-back' antara Kerajaan dan rakyat, mengenai dasar-dasar negara dapat berjalan dengan lebih licin dan sempurna.

8. Dalam susunan Kabinet yang baru ini saya telah melantik semula Y.B. Datuk Amar Abdul Taib Mahmud sebagai Menteri Penerangan dan saya berharap beliau dapat memberi pimpinan yang lebih berkesan serta menumpukan perhatiannya kepada Kementerian ini khususnya dalam usaha menerangkan tujuan dan matlamat Rancangan Malaysia Ketiga yang akan dilancarkan tidak lama lagi.

Tuan-tuan sekalian,

9. Dalam dunia moden ini, perhubungan massa atau Mass Communication sangatlah mustahak. Perhubungan massa mendapat tempat utama, dinilai dari segi keperluan mempercepat dan menentukan proses perubahan yang deras, terutama sekali bagi negara-negara yang pesat membangun, yang menuju kepada pembentukan satu rupa bangsa, kepada perpaduan dan persefahaman semua rakyat. Dalam hal inilah, Kerajaan akan sentiasa mencari jalan bagaimana jentera perhubungan massa itu dapat digunakan dengan lebih efektif bagi mencapai matlamat mewujudkan keharmonian dan perpaduan rakyat, agar mereka dapat memberikan sumbangan mereka dalam proses pembangunan dan perubahan ini.

10. Pembangunan tidak dapat berjaya, sekiranya maklumat tertentu tidak dapat disampaikan dengan segera dan membawa kesan yang boleh memberikan galakan terhadap kemajuan setiap sektor. Maklumat inilah yang harus disalurkan menerusi sebaran am, khasnya Radio dan TV, sebagai alat yang terpenting kerana alat-alat inilah yang dapat meninggalkan kesan-kesan serta mempengaruhi sikap serta pemikiran rakyat dan memberikan petunjuk kepada mereka untuk membantu dalam bidang pembangunan.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

11. Saya suka menyebutkan matlamat sebaran am ini satu persatu:-

Pertama: Mewujudkan perpaduan masyarakat kerana pembangunan negara bergantung kepada faktor-faktor tertentu seperti Bahasa, Kebudayaan dan Tradisi;

Kedua: Menyokong sistem pelajaran dan Dasar Kerajaan dengan menyampaikan maklumat bagi meninggi dan menambahkan kesedaran politik dan kemampuan setiap anggota masyarakat;

Ketiga: Melipat-gandakan usaha pembangunan, dalam bidang seperti pertanian, kesihatan kemasyarakatan dan lain-lain;

dan

Keempat: Menyemaikan perasaan ingin maju, di kalangan rakyat supaya mereka dapat menambahkan penglibatan mengambil bahagian dan bekerjasama dalam sebarang tugas pembangunan negara.

Tuan-tuan sekalian,

12. Pada hemat saya, alat-alat sebaran am khasnya Radio dan Talivisyen mestilah digunakan sebagai satu tenaga pendorong kepada usaha pembangunan. Oleh itu, mestilah terdapat penilaian yang benar-benar mengenai konsep dan matlamat pembangunan,

iaitu selain daripada menambahkan pengeluaran negara, menentukan pembahagian kemakmuran secara adil, meninggikan pendapatan serta memperbaiki keadaan hidup rakyat. Pendekata setiap aspek pembangunan mestilah mempunyai implikasi kepada setiap orang dan masyarakat. Tugas ini, bergantung pada kecekapan dan inisiatif para petugas yang mengendalikan alat-alat penyiaran

13. Kegiatan penyiaran antara lain-lain mestilah mendalami dan memperteguhkan bukan sahaja bidang ekonomi dan politik negara ini tetapi juga untuk memperkayakan kebudayaan kebangsaan dengan menyerapkan unsur-unsur yang terdapat dari kebudayaan lain asalkan sesuai dengan konsep kebudayaan nasional.

14. Pada segi yang lain, penyiaran hendaklah disesuaikan dengan perkembangan dan kemajuan teknologi hari ini di samping memberikan nilai perkhidmatan yang boleh meresapi jiwa rakyat biasa, dengan cara yang boleh mereka terima dan dapat pula mengambil bahagian di dalamnya. Ini bererti juga apa yang dituturkan adalah sejajar dengan apa yang dilihat dari layar putih dan dapat menambahkan hubungan langsung antara pemimpin masyarakat dengan pegawai pentadbir menerusi sebaran am.

15. Dalam semua aspek ini, saya yakin bahawa dengan adanya keyakinan dan sikap percaya mempercayai antara penyiar dan pendengar, dapatlah kita mewujudkan suasana yang akan mendorong serta meningkatkan usaha-usaha pembangunan yang menyeluruh, termasuk juga keselamatan.



diterbitkan oleh jabatan penerangan malaysia

Tuan-tuan sekalian,

16. Seperti yang kita sedia maklum, Kerajaan telah membelanjakan sekian banyak wang negara bagi menambahkan dan melengkapkan kemudahan-kemudahan sebaran am dalam tempoh 20 tahun yang lalu. Perkembangan ini bukan sahaja untuk menyesuaikan dengan peredaran zaman tetapi yang lebih penting, ialah keyakinan kita tentang perlunya perhubungan, sebagai alat utama dalam proses pembangunan. Oleh yang demikian, satu kaedah sebaran am yang lebih berkesan dan bersesuaian hendaklah diatitkan supaya tenaga yang ada digunakan dengan sepenuhnya di samping memberi mereka latihan yang up to date dalam strateji penerangan dan penyiaran.

17. Dalam hubungan ini, satu sistem communication yang sesuai bagi menyedari dan menghadapi realiti ekonomi, politik dan kebudayaan sangatlah penting. Oleh itu, perkhidmatan penerangan dan penyiaran hendaklah mempunyai kemampuan penuh meninjau dan juga menaksirkan sikap orang ramai yang patut terlibat dalam usaha pembangunan. Penglibatan rakyat amatlah mustahak agar mereka benar-benar merasa manfaat sesuatu rancangan dan projek kerajaan.

Tuan-tuan dan Puan-puan,

18. Peranan pakar-pakar penyiaran terutama sekali dalam usaha pembangunan sangatlah jelas. Bagaimanapun, saya percaya, ini bukanlah istimewa kepada ahli-ahli professional sahaja, bahkan hendaklah meliputi setiap petugas yang ada hubungan dengan masyarakat. Dengan yang demikian amatlah mustahak kita mengadakan

golongan ahli-ahli professional yang sanggup dan mempunyai kepakaran yang tertentu dalam beberapa bidang. Institut Penyiaran seperti ini, bersedia bagi memenuhi kehendak negara dan juga keperluan serantau yang boleh memainkan peranan yang lebih berguna kerana di samping memberi hiburan adalah juga penting menggunakan alat penyiaran untuk pendidikan dan lain-lain. Inilah tujuan kita mengadakan Institut Penyiaran ini dan saya berharap semua ini dapat dipergunakan bagi faedah dan keperluan negara seluruhnya.

19. Sebelum mengakhiri ucapan ini saya ingin menyatakan sedikit sebanyak mengenai garis-garis panduan yang patut diikuti dan dipatuhi oleh setiap kakitangan jentera penyebaran Kerajaan. Allahyarham Tun Razak telahpun menentukan bahawa semua alat-alat sebaran am Kerajaan adalah merupakan jentera Kerajaan dalam erti-kata sebenarnya yang harus digunakan oleh pemerintah demi kepentingan dan keperluan negara.

20. Kita semua mengakui bahawa matlamat pembangunan kita yang terutama sekali ialah mewujudkan satu nasional identiti, satu masyarakat yang kukuh dan bersatupadu. Salah satu asas mewujudkan keperibadian nasional ialah memperluaskan penggunaan Bahasa Kebangsaan menerusi alat sebaran am, dan ini hendaklah terus dipergiatkan. Begitu juga pembentukan masyarakat yang berdisiplin dan rakyat yang mempunyai moral tinggi hendaklah berlandaskan kepada prinsip ajaran agama Islam yang menjadi Ugama Resmi negara kita. Perimbangan rancangan penyiaran hendaklah disesuaikan dengan keperluan memberikan pendidikan dalam semua

aspek dan tidak terlalu mementingkan soal hiburan semata-mata. Sebaliknya semua rancangan hiburan hendaklah disusun dan disesuaikan untuk mencapai cita-cita murni Kerajaan yang saya sebutkan tadi, dan bukan sebaliknya.

21. Saya akan melaksanakan dasar yang telah ditentukan oleh Allahyarham ini dan saya ingin supaya setiap golongan ahli-anggota di Institut ini dan juga kakitangan dalam semua jentera sebaran am Kerajaan, mematuhi dasar yang telah ditetapkan itu. Saya akan mengikuti kemajuan di samping sentiasa mengawasi perjalanan jentera sebaran am supaya kita boleh sama-sama menyedari kepada masalah pokok dan masalah negara. Saya harap tidaklah akan berlaku sebarang penyelewengan kepada dasar yang telah ditetapkan ini kerana saya sendiri memberikan perhatian berat terhadap perkara ini.

22. Akhirnya, dengan pesanan dan ingatan inilah, saya dengan sukacitanya menamakan Pusat ini Institut Penyiaran Tun Abdul Razak, dan dengan resminya membuka Institut ini.

Terimakasih.

KUALA LUMPUR,
10hb Mac, 1976.

(dikeluarkan pada pukul 4.00 petang)

---oo0oo---

PERKHIDMATAN
ARKIB PERDANA MENTERI



- JUN 1976



No Siri	169
No Penerimaan	6/76